

NILAI-NILAI MURNI DALAM CERITA RAKYAT DI KOTA BHARU, KELANTAN

MOHD FIRDAUS CHE YAACOB
Universiti Malaysia Kelantan
firdaus.cy@umk.edu.my

ABSTRAK

Cerita rakyat membawa maksud cerita yang dihasilkan secara kreatif oleh masyarakat Melayu zaman dahulu. Cerita rakyat disebarikan melalui kaedah pertuturan menggunakan mulut ke mulut bagi tujuan hiburan dan pendidikan kepada masyarakat. Kaedah penyampaian tersebut merupakan komunikasi dua hala di antara penglipur lara dengan masyarakat setempat. Maka dengan itu, kajian ini membincangkan kepentingan cerita rakyat kepada masyarakat melalui amalan nilai-nilai murni. Kajian ini berpaksikan objektif untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan. Selain itu, metod kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan lapangan berbentuk temubual dan analisis teks. Di samping itu, penganalisan kajian ini mengaplikasikan prinsip hubungan khalayak dengan karya dengan cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan terhadap nilai-nilai murni yang dikenal pasti. Akhir sekali, dapatan kajian mendapati komunikasi dua hala yang digunakan terbukti dapat menjelaskan perhubungan di antara cerita rakyat dengan masyarakat melalui nilai-nilai murni.

Kata Kunci: Cerita rakyat; nilai-nilai murni; komunikasi dua hala; teori Takmilah.

VALUES IN FOLKLORE IN KOTA BHARU, KELANTAN

ABSTRACT

Folklore means stories that were creatively produced by the Malay community in the past. Folklore spread through word of mouth for the purpose of entertainment and education to the community. The delivery method is a two-way communication between the comforter and the local community. Therefore, this study discusses the importance of folklore to the community through the practice of values. This study focuses on the objective of identifying and analyzing the values contained in Folklore in Kota Bharu, Kelantan. In addition, this research method uses a qualitative approach involving field library methods in the form of interviews and text analysis. In addition, the analysis of this study applies the principle of audience relationship with works and folklore in Kota Bharu, Kelantan to the identified values. Finally, the findings of the study found that the two-way communication used proved to be able to explain the relationship between folklore and society through values.

Keywords: Folklore; values; two-way communication; Takmilah theory.

PENGENALAN

Cerita rakyat membawa maksud cerita yang berkisarkan mengenai kebudayaan dan adat masyarakat Melayu terdahulu serta mengandungi unsur-unsur hiburan dan pendidikan secara

tidak formal kepada masyarakat. Menurut Mohd Taib Osman (1988), cerita rakyat ialah cerita lisan yang diperturunkan melalui mulut ke mulut dan tidak berhak dipertikaikan oleh sesiapa kerana ia merupakan milik bersama oleh masyarakat Melayu. Selain itu, cerita rakyat adalah kesusasteraan rakyat yang dihidupkan secara lisan dengan menggunakan kaedah pertuturan (Halimah Hassan, 1989). Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan bahawa cerita rakyat merupakan karya sastera rakyat yang mengekspresikan nilai budaya dan adat dalam kalangan masyarakat Melayu dalam bentuk cerita. Dalam konteks ini, cerita rakyat merupakan hasil karya sastera yang mengandungi nilai-nilai positif dan mempunyai hubungan dengan masyarakat Melayu kerana ia disampaikan dengan kaedah komunikasi dua hala sebagai sebagai hiburan dan unsur pendidikan.

Seterusnya, nilai murni merupakan perilaku yang menjurus ke arah kebaikan moral di antara sesama manusia supaya wujud perhubungan yang murni. Menurut Othman Puteh (1996), nilai murni merupakan tanda atau lambang kepada sesuatu kelompok manusia itu memerlukan antara satu sama lain. Sehubungan itu, nilai-nilai murni adalah unsur kebaikan, bermutu dan positif yang wujud dalam pemikiran, tingkah laku dan kehidupan bermasyarakat (Wan Marzuki Wan Mohd Noor, 2010). Hal ini dikatakan demikian kerana nilai-nilai murni berfungsi sebagai alat kawalan sosial dan berkait rapat dengan pemurnian hubungan sosial di antara masyarakat Melayu. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan bahawa nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat merupakan sifat-sifat mulia yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat. Berdasarkan pendapat para tokoh, dapat disimpulkan bahawa nilai-nilai murni berpotensi untuk mendidik masyarakat ke arah mengamalkan cara hidup yang bertamadun dan harmoni.

Sehubungan dengan itu, kajian ini memperincikan aspek komunikasi dua hala yang berlaku dalam penyampaian cerita rakyat oleh penglipur lara. Selain itu, nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat dijadikan sebagai bahan mendidik yang disampaikan melalui penglipur lara kepadakhalayak. Tambahan lagi, kajian ini mengaplikasikan teori Takmilah melalui prinsip hubungan khalayak dengan karya bagi memantapkan huraian analisis yang berkaitan komunikasi dua hala di antara penglipur lara dengan elemen masyarakat menerusi penyampaian cerita rakyat.

SOROTAN KAJIAN CERITA RAKYAT

Sejumlah kajian lepas dikumpul bagi meneliti dan mengenal pasti kelompongan kajian lepas supaya tidak berlaku pertindihan aspek kajian. Proses ini adalah sebagai pengamatan awal bagi memastikan aspek-aspek yang dikaji dalam kajian ini adalah aspek yang baru. Sehubungan itu, penelitian terhadap kajian beberapa kajian lepas seperti kajian yang dijalankan oleh Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun dan Farra Humairah Mohd (2019) yang memberi penekanan terhadap unsur mitos yang menggambarkan pemikiran masyarakat Melayu. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis unsur mitos yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu terhadap pemikiran masyarakat Melayu. Selain itu, pemilihan cerita rakyat Melayu iaitu *Hikayat Merong Mahawangsa* sebagai bahan kajian kerana terdapat banyak unsur mitos di dalamnya. Kajian ini melibatkan kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi proses mendapatkan maklumat. Seterusnya penganalisan dijalankan dengan mengaplikasikan pendekatan sosiologi sastera bagi menghasilkan sebuah hasil analisis yang mantap. Konklusinya, unsur mitos yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu membawa kepada pemikiran masyarakat Melayu yang meninggikan martabat diraja kerana unsur luar biasa digambarkan terjadi dalam kalangan diraja.

Seterusnya, kajian bertajuk *Perspektif 'Melayu Malas' dan 'Melayu Bodoh' oleh Barat Serta Kebenarannya berdasarkan Cerita Jenaka Melayu* oleh Rahimah Hamdan dan Alya Batrisyia Annuar (2020). Kajian ini mengutarakan tentang aspek perspektif Barat mengenai

“Melayu Malas” dan “Melayu Bodoh” yang telah didakwa oleh penjajah British terhadap masyarakat Melayu. Kajian ini berdasarkan matlamat untuk mengenal pasti dan menganalisis tentang ketepatan perspektif tersebut menerusi cerita jenaka Melayu. Kajian ini berlandaskan metodologi berbentuk kualitatif yang melibatkan analisis teks dengan menggunakan cerita jenaka Melayu seperti *Pak Pandir*, *Pak Kaduk*, *Pak Belalang* dan *Si Luncai*. Akhir sekali, hasil kajian mendapati bahawa perspektif Barat mengenai “Melayu Malas” dan “Melayu Bodoh” adalah tidak benar kerana analisis terhadap cerita jenaka Melayu menunjukkan sebaliknya.

Lain daripada itu, sebuah kajian bertajuk *Akal Budi dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan* oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Kajian ini mengariskan tentang keunggulan budaya yang diamalkan oleh masyarakat Melayu menerusi penyampaian cerita rakyat. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis akal budi yang terkandung dalam naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan melibatkan kaedah kepustakaan dan lapangan sebagai cara untuk mendapatkan maklumat yang asli. Di samping itu, kajian ini menggunakan pendekatan kemasyarakatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian bagi memantapkan huraian analisis. Dapatan kajian merekodkan aspek akal budi sememangnya terkandung dalam cerita rakyat dan mampu membina akhlak mulia masyarakat Melayu.

Selain itu, kajian seterusnya bertajuk bertajuk *Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) Kajian ini menumpukan perhatian terhadap nilai-nilai Islam yang disampaikan melalui cerita rakyat mampu membentuk akhlak masyarakat Melayu. Dalam pada itu, kajian ini berpaksikan objekif untuk mengenal pasti dan membincangkan mengenai nilai-nilai Islam yang terdapat dalam cerita rakyat terhadap pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kepustakaan dan analisis teks bagi mendapatkan maklumat yang sahih secara sistematik. Kajian ini juga mengaplikasikan prinsip Takmilah sebagai deduktif kajian untuk menyokong analisis kajian supaya lebih jitu. Akhir sekali, kajian mendapati bahawa nilai-nilai Islam yang terkandung dalam cerita rakyat mampu dijadikan alat untuk membina akhlak masyarakat Melayu supaya lebih utuh dan mewujudkan peradaban yang berakhlak tinggi.

Selanjutnya, kajian yang bertajuk *Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Kajian ini memperlihatkan aspek nilai-nilai Islam dalam cerita lisan menerusi penelitian terhadap pendekatan karya dan khalayak yang digagaskan oleh Shafie Abu Bakar. Rentetan itu, Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita lisan Melayu. Kajian ini membataskan untuk melihat aspek nilai-nilai Islam dalam buku *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan melibatkan kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi mendapatkan data dan maklumat. Kajian ini juga menggunakan prinsip yang terkandung dalam teori Takmilah iaitu prinsip hubungan karya dengan khalayak sebagai deduktif. Hasil kajian mendapati bahawa nilai-nilai Islam sememangnya menjadi amalan hidup masyarakat Melayu dari zaman dahulu dan diterapkan ke dalam cerita rakyat sebagai panduan kepada generasi akan datang.

PENYATAAN MASALAH

Berdasarkan pengamatan terhadap sejumlah kajian lepas, pengkaji mengenal pasti beberapa aspek yang dijadikan tunjang utama oleh pengkaji lepas. Antara aspek yang dikenalpasti termasuklah pemikiran, nilai murni dan nilai budaya. Hal ini sebagaimana kajian yang dijalankan oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin (2015),

Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016), dan Normaliza Abd Rahim, Mohd Fahmi Ismail (2017), Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) dan Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun & Farra Humairah Mohd (2019). Jika dilihat dari sudut lain, aspek nilai murni dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan masih belum dikaji secara mendalam dalam kajian bertemakan cerita rakyat. Bertitik tolak daripada itu, pengkaji berpendapat bahawa perlu dijalankan sebuah kajian mengenai nilai murni dalam cerita rakyat di Kota Bharu Kelantan. Selain itu, kajian-kajian lepas yang diteliti juga masih belum menggunakan aspek komunikasi dua hala sebagai tunjang utama kajian. Seterusnya, kajian lepas juga dilihat menggunakan pelbagai teori dan pendekatan sebagai landasan untuk menjalankan proses analisis. Antara teori dan pendekatan yang dikenalpasti termasuklah pendekatan nilai budaya, teori Pengkaedahan Melayu dan pendekatan sosiologi sastera. Daripada perspektif berbeza, teori Takmilah melalui prinsip hubungan khalayak dengan karya masih belum digunakan secara menyeluruh sebagai landasan untuk kajian yang baharu. Oleh itu, aspek dan pendekatan kajian merupakan dua aspek yang menjadi titik tolak untuk pengkaji melakukan kajian ini. Tegasnya, kajian bertemakan cerita rakyat yang menggunakan aspek nilai murni dan komunikasi dua hala serta teori Takmilah wajar dilakukan bagi memenuhi kelompongan kajian lepas dan menjadi nilai tambah dalam dunia penyelidikan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual bagi mendapat maklumat dan data secara sistematik. Oleh yang demikian, kaedah pertama yang digunakan dalam menyempurnakan kajian ini adalah kaedah kepustakaan. Kaedah kepustakaan digunakan adalah untuk mencari, mengumpul dan meneliti sebarang kajian yang melibatkan sastera dan cerita rakyat. Tamsilnya, jurnal-jurnal sastera, kertas-kertas kerja, kertas-kertas seminar, buku-buku, tesis-tesis para sarjana dan sumber internet. Sehubungan itu, bahan-bahan tersebut diperolehi hasil daripada kunjungan ke beberapa perpustakaan yang terpilih seperti Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur.

Seterusnya, kajian ini juga melibatkan kaedah temu bual dalam menjalankan proses pengumpulan data dan maklumat. Kaedah ini dijalankan dengan berkunjung ke rumah-rumah penglipur lara bagi mendapatkan maklumat mengenai cerita rakyat. Dalam pada itu, soalan yang diajukan oleh pengkaji adalah berkaitan dengan cerita rakyat dan skop kajian sepanjang proses temu bual dijalankan. Namun demikian, pengkaji mengubah setiap soalan yang diajukan kerana soalan diubah mengikut situasi cara penceritaan oleh penglipur lara. Hal ini bertujuan untuk menarik perhatian penglipur lara supaya lebih mesra untuk terus bercerita secara konsisten. Oleh itu, perubahan soalan bergantung kepada cara pengolahan cerita rakyat yang dikemukakan oleh penglipur lara.

Selain itu, proses rakaman video dan audio juga dilakukan oleh pengkaji semasa proses temu bual dijalankan. Hal ini bertujuan untuk merakam cara dan gaya seseorang penglipur lara itu menyampaikan cerita rakyat kepada khalayak. Tambahan lagi, rakaman yang dilakukan adalah bermatlamat untuk menghasilkan bukti dalam bentuk video dan audio sepanjang proses temu bual berlangsung. Akhir sekali, pengkaji mencatat, meneliti dan menyaring bagi mengasingkan setiap cerita rakyat mengikut tajuk yang sesuai dan diikuti proses semakan supaya tidak berlaku keciciran data.

Tatacara Penyelidikan Cerita Rakyat di Kota Bharu, Kelantan

Pada bahagian ini, pengkaji memberi pencerahan mengenai tatacara penyelidikan atau proses-proses utama yang dilakukan dalam menyempurnakan kajian ini. Sehubungan dengan itu,

kerangka utama kajian *folklore* yang diilhamkan oleh Dundes (1965) digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Kerangka ini melibatkan tiga peringkat utama iaitu peringkat pertama pengenaltastian, peringkat kedua pengumpulan data dan peringkat akhir iaitu analisis. Peringkat pertama iaitu pengenaltastian dijalankan oleh pengkaji dengan pergi ke kawasan Kota Bharu bagi meninjau dan mengenal pasti individu yang berpotensi untuk menjadi penglipur lara. Setelah itu, pengkaji berkunjung ke kedai runcit dan warung di kawasan Kota Bharu untuk bertanya kepada penduduk kampung tentang individu-individu yang berumur dan mengetahui tentang sejarah kampung. Antara tempat yang dikunjungi oleh pengkaji termasuklah, Lundang, Pintu Geng dan Bunut Payung. Hasil daripada pencarian, pengkaji berhasil memperoleh beberapa orang penduduk kampung yang berpotensi menjadi penglipur lara. Antaranya termasuklah Long Mohamad, Wan Abdullah Wan Omar, Yusof Abdul Rahman dan Mat Zin Derohin. Pengkaji memilih mereka kerana dilihat mempunyai potensi untuk menjadi penglipur lara kerana mereka merupakan anak jati kampung tersebut dan juga mempunyai kemahiran untuk bercerita.

Sementelahan, peringkat kedua iaitu peringkat pengumpulan data dijalankan oleh pengkaji bagi meneruskan usaha menyempurnakan kajian ini. Peringkat ini melibatkan proses membuat temu janji dan perbincangan bersama para penglipur lara secara tidak formal. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan persefahaman dan kemesraan ketika berkomunikasi bagi memudahkan proses temu ramah. Selepas itu, pengkaji berkunjung ke rumah para penglipur lara untuk melakukan proses temu ramah. Proses menemu ramah dijalankan berdasarkan soalan-soalan yang telah dikemukakan kepada penglipur lara. Sehubungan dengan itu, soalan yang diajukan menjurus kepada aspek cerita rakyat seperti persoalan mengenai sejarah kampung, kisah-kisah mitos, pantang-larang dan asal-usul kejadian alam yang terdapat di kampung berkenaan.

Setelah melakukan proses temu ramah, pengkaji berhasil mendapatkan sejumlah cerita rakyat daripada beberapa buah kampung seperti Kampung Lundang, Kampung Bunut Payung dan Kampung Pintu Geng di Kota Bharu, Kelantan. Penglipur lara yang bertanggungjawab untuk menyampaikan cerita rakyat ialah Long Mohamad, Wan Abdullah Wan Omar, Yusof Abdul Rahman dan Mat Zin Derohin. Selain itu, proses temu ramah dilakukan secara berkumpulan seramai dua orang dan setiap orang melakukan tugas masing-masing. Proses temu ramah dijalankan selama dua hari iaitu pada 9 September 2020 dan 14 September 2020. Rentetan itu, proses ini penting bagi memenuhi syarat keperluan utama kajian ini iaitu, cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan. Justeru, peringkat ini penting bagi memastikan data yang dikumpul tidak melencong daripada skop kajian ini.

Seterusnya, peringkat yang ketiga iaitu peringkat analisis yang dijalankan oleh pengkaji untuk menghasilkan sebuah hujahan yang tepat. Setiap cerita rakyat dianalisis secara kualitatif dengan menjurus ke arah objektif untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan. Selain itu, kajian ini juga menyentuh aspek hubungan dua hala dalam cerita rakyat tersebut. Tambahan lagi, proses analisis dijalankan dengan mengaplikasikan salah satu prinsip dalam teori Takmilah iaitu prinsip hubungan khalayak dengan karya bagi mendapatkan huraian yang jitu dan mapan. Prinsip ini dipilih untuk memperlihatkan hubungan di antara cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan yang mengandungi nilai-nilai murni dengan khalayak. Justifikasinya, prinsip ini sesuai digunakan sebagai deduktif kajian kerana ia dapat memberi huraian yang jelas mengenai hubungan khalayak dengan karya. Oleh itu, peringkat ketiga ini sangat penting untuk dilakukan kerana dapat memberikan penjelasan yang mantap kepada pembaca.

Alat Bantuan Kajian

Bahagian ini pengkaji menjelaskan alat bantuan kajian yang digunakan dalam menyiapkan kajian ini secara terperinci. Pemilihan alat bantuan kaji adalah proses yang penting untuk menjalankan sesebuah kajian secara terancang dan lancar. Alat bantuan kajian digunakan bertujuan untuk memudahkan proses kajian terutama di peringkat pengumpulan data. Hal ini dikatakan demikian kerana, proses pengumpulan data memerlukan alat-alat tertentu untuk memberi kemudahan kepada pengkaji menjalankan proses tersebut. Alat bantuan kajian yang paling jelas adalah cerita rakyat itu sendiri kerana tanpa cerita rakyat tidak akan wujud analisis kajian. Sehubungan dengan itu, beberapa alat seperti perakam suara dan perakam video diperlukan untuk mendapatkan cerita rakyat. Alat-alat ini bertujuan untuk merakam dan menyimpan rakaman proses temu ramah sebagai bukti dan rujukan kepada pengkaji di masa akan datang. Selain itu, soalan-soalan yang dikemukakan kepada penglipur lara juga merupakan salah satu alat bantuan kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana, soalan-soalan tersebut dapat mendorong penglipur lara untuk terus bercerita dan menghilangkan rasa bosan, sekali gus memudahkan kajian dilakukan. Oleh itu, alat bantuan kajian sememang aspek yang harus dipandang serius oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini supaya dapat menghasilkan sebuah kajian yang berkualiti.

Proses Menganalisis

Kesemua data dan cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan yang diperoleh akan melalui proses saringan, kemas kini dan seterusnya analisis. Proses menganalisis bertujuan untuk memberi kefahaman kepada pengkaji dalam usaha menghasilkan kajian ini. Sehubungan dengan itu, proses menganalisis dimulakan dengan transkripsi data cerita rakyat daripada bentuk lisan kepada bentuk tulisan. Sebagaimana yang sedia maklum, data dan cerita rakyat berbentuk rakaman audio dan video seharusnya ditranskripsi kepada bentuk tulisan bagi memudahkan proses analisis dijalankan. Selepas itu, proses menyusun dan menaip cerita rakyat dalam bahasa Melayu Baku dilakukan. Setelah itu, cerita rakyat tersebut diterjemah pula ke dalam loghat negeri Kelantan. Hal ini bertujuan untuk memudahkan para pembaca untuk memahami kehendak kajian ini dengan betul. Antara cerita rakyat yang dikaji dalam kajian ini termasuklah, *Hierarki Pentadbiran Strategi Kelantan*, *Toleransi Kelantan Kian Tergugat*, *Asal Usul Bunut Payung*, *Asal Usul Kampung Pintu Reng dan Man Kumis Pembuka Lundang*. Oleh itu, proses menganalisis ini memainkan peranan yang penting dalam sesebuah kajian.

TEORI TAKMILAH

Bahagian ini akan membahaskan teori Takmilah yang diilhamkan oleh Shafie Abu Bakar secara terperinci. Beliau merupakan seorang pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu (JPM) Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1993. Teori ini bertunjangkan aspek ajaran Islam sebagai ajaran utama dalam menyempurnakan sesebuah karya sastera. Teori Takmilah terhasil daripada pembentangan beberapa siri kertas kerja yang membincangkan teori dan konsep sastera Islam. Pada peringkat awal satu kertas kerja telah dibentangkan oleh Shafie Abu Bakar berjudul *Sastera Islam: Teori Pengindahan Dan Penyempurnaan Dalam Rangka Tauhid*. Setelah itu, hasil perbincangan dan pembentangan ternyata telah mewujudkan sebuah landasan idea untuk menggagaskan satu kerangka teori yang boleh digunakan sebagai alat kritikan dan analisis serta menjadi kayu ukur terhadap karya sastera. Kerangka yang dimaksudkan adalah merujuk kepada tujuh prinsip dalam teori Takmilah. Antara prinsip tersebut termasuklah prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip Islam yang bersifat Akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul, prinsip sastera yang berciri estetik dan bersifat Takmilah, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri dan prinsip

khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil. Setiap prinsip yang dihasilkan adalah saling bersangkut-paut dan berpotensi menjadi sebuah teori yang utuh dan mantap sebagai alat untuk mengukur sesebuah karya sastera dalam konteks Islam.

Prinsip Hubungan Khalayak Dengan Karya

Menurut Shafei Abu Bakar (1997), sesebuah karya haruslah berunsurkan pendidikan, dakwah, menanam nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan dan sesuatu yang mengajak ke arah kebaikan. Selain itu, karya sastera yang baik adalah karya yang menimbulkan keinsafan, kesedaran dan pencerahan kepada khalayak supaya dapat mengajak khalayak ke arah menjadi insan Kamil. Hal ini bersangkut paut dengan prinsip yang digunakan dalam kajian ini iaitu prinsip hubungan khalayak dengan karya. Pemilihan prinsip ini bertujuan untuk memperlihatkan hubungan yang erat di antara karya dengan khalayak yang dihubungkan melalui nilai-nilai murni dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan. Oleh itu, analisis kajian membahaskan secara terperinci mengenai prinsip Takmilah ini dan dapat memberi kesedaran kepada khalayak seiring dengan tuntutan teori Takmilah itu sendiri.

NILAI-NILAI MURNI DALAM CERITA RAKYAT DI KOTA BHARU, KELANTAN

Pada bahagian ini, proses menganalisis nilai-nilai murni yang berhasil dikenalpasti dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan dilakukan secara terperinci. Antara cerita rakyat yang dipillih termasuklah, *Hierarki Pentadbiran Strategi Kelantan*, *Toleransi Kelantan Kian Tergugat*, *Asal Usul Bunut Payung*, *Asal Usul Kampung Pintu Reng* dan *Man Kumis Pembuka Lundang*. Manakala, nilai murni yang dikenalpasti adalah tanggungjawab, saling memaafi, rendah diri, kebersihan dan belas kasihan. Sehubungan itu, penganalisan ini diaplikasikan dengan salah satu daripada tujuh prinsip dalam teori Takmilah iaitu prinsip hubungan khalayak dengan karya. Hal ini kerana, prinsip ini dilihat berpotensi untuk memperlihatkan jalinan di antara nilai-nilai murni dalam cerita rakyat dengan kesan positifnya terhadap masyarakat.

Belas Kasihan

Belas kasihan ditaktifkan oleh Mohd Ali Hashimi (1992) sebagai perasaan simpati terhadap kesusahan orang lain dan timbul rasa ingin membantu orang tersebut. Menurut Abd. Rahim Abd Rashid (2001), sikap belas kasihan dipupuk adalah untuk menjaga hubungan baik dalam kalangan masyarakat supaya saling membantu di antara satu sama lain. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) yang berpendapat bahawa sikap belas kasihan harus sentiasa diamalkan bagi membina sebuah masyarakat yang harmoni dan bahagia. Berdasarkan kenyataan para tokoh, dapat disimpulkan bahawa sikap belas kasihan merupakan sikap manusia yang mudah berasa kasihan terhadap orang lain yang mengalami kesusahan dan ingin membantu walaupun diri sendiri dalam kesusahan. Hal ini dapat dilihat dalam cerita rakyat bertajuk *Man Kumis Pembuka Lundang* menerusi petikan berikut:

“Peperange tu teloh banyok meragut nyawo manusio ye tok berdoso. Oleh kerano tu, Man Kumis berjayo sekali lagi menumpaske strategi pihok lawe denge kekuate semangat jue balo tentero di bawoh naungenyo. Apabila Man Kumis keleh mayat bergelimpange setelah peperange tamat, diyo merasoke belas kasihe denge nasib ye menimpo rakyat jelato.”

(Temu Bual: Long Mohamad, 2020)

Terjemahan:

“Peperangan itu telah banyak meragut nyawa manusia yang tidak berdosa. Oleh kerana itu, Man Kumis berjaya sekali lagi menumpaskan strategi pihak lawan dengan kekuatan semangat juang bala tentera di bawah naungannya. Apabila Man Kumis melihat mayat bergelimpangan setelah peperangan tamat, dia merasakan belas kasihan dengan nasib yang menimpa rakyat jelata.”

Petikan di atas menceritakan sikap belas kasihan yang diserlahkan oleh watak bernama Man Kumis seorang pendekar gagah berani yang berasa kasihan melihat nasib rakyat jelata selepas terjadinya peperangan. Sebagai contohnya, timbul rasa kasihan dalam hati Man Kumis apabila melihat mayat-mayat rakyat jelata yang bergelimpangan dan memikirkan nasib yang dihadapi oleh saudar-mara yang masih hidup. Lantaran itu, beliau meminta kebenaran dengan Sultan untuk keluar mengembara demi mencari penempatan baru untuk didiami oleh para penduduk kampung yang terkesan oleh peperangan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Denge tu, Man Kumis teloh memohon kepada bagindo Long Yunus Sulaiman untuk mengembaro bagi meneneke dirinyo wak seketiko. Permintoe Man Kumis tu dipersetujui oleh bagindo kerano bakti de jaso Man Kumis terhadap negeri amat besa sekali. Mako, mengembarolah Man Kumis dari Kota Jelaseh sehinggo ko tanoh Lunde. Apabilo Man Kumis sapa di Tanoh Lunde, diyo teloh membuka so penempate bagi membolehkan masyarakat ye menagalami peperange date menetap di kawasenyo.”

(Temu Bual: Long Mohamad, 2020)

Terjemahan:

“Dengan itu, Man Kumis telah memohon kepada baginda Long Yunus Sulaiman untuk mengembara bagi menenangkan dirinya buat seketika. Permintaan Man Kumis itu dipersetujui oleh baginda kerana bakti dan jasa Man Kumis terhadap negeri amat besar sekali. Maka, mengembaralah Man Kumis dari Kota Jeleseh sehingga ke tanah Lundang. Apabila Man Kumis sampai di Tanah Lundang, dia telah membuka satu penempatan bagi membolehkan masyarakat yang mengalami peperangan datang menetap di kawasannya. Oleh kerana itu, ramailah mangsa dalam peperangan datang ke penempatan Man Kumis.”

Petikan di atas menggambarkan sikap belas kasihan telah mendorong Man Kumis untuk melakukan kebaikan yang lain iaitu mencari penempatan yang baru kepada mereka yang terjejas akibat perang. Seperti yang boleh dilihat melalui peristiwa Man Kumis mengembara ke tempat baru yang diberi nama Lundang untuk membuka penempatan baru kepada masyarakat yang tiada tempat untuk tinggal selepas peperangan.

Hal ini bertepatan dengan pendapat Abd. Rahim Abd. Rashid (2001) yang menyatakan bahawa sikap belas kasihan bertujuan untuk memupuk hubungan yang baik kalangan masyarakat dan sentiasa saling membantu. Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) berpendapat pengamalan sikap belas kasihan dapat membantu dalam usaha membina sebuah masyarakat yang harmoni dan bahagia. Oleh itu, nilai murni melalui sikap belas kasihan amat penting dalam kehidupan seharian masyarakat supaya setiap anggota masyarakat saling bersimpati dan ingin membantu di antara satu sama lain.

Sehubungan itu, pengaplikasian prinsip hubungan khalayak dengan karya dalam penelitian ini dilihat amat tepat kerana prinsip ini menekankan aspek penyampaian mesej dan ilmu yang positif kepada khalayak dalam usaha membentuk khalayak sebagai insan Kamil (Shafei Abu Bakar, 1997). Tambahan lagi, cerita rakyat ini menerapkan nilai murni yang berkait rapat dengan masyarakat Melayu iaitu sikap belas kasihan. Tamsilnya, cerita rakyat bertajuk

Man Kumis Pembuka Lundang jelas menggambarkan watak Man Kumis yang mengamalkan nilai murni melalui sikap belas kasihan terhadap sesama makhluk berdasarkan peristiwa beliau mengembara untuk mencari penempatan baru kepada penduduk kampung. Perhubungan di antara karya dengan khalayak dapat dilihat dengan jelas melalui nilai murni yang disampaikan melalui cerita rakyat ini. Rentetan itu, nilai murni yang disampaikan iaitu belas kasihan seharusnya dipraktikkan oleh masyarakat supaya dapat membentuk sebuah peradaban yang harmoni. Dengan itu, analisis ini jelas membuktikan perkaitan di antara khalayak dengan karya seiring dengan tuntutan dalam prinsip Takmilah iaitu prinsip hubungan khalayak dengan karya.

Rendah Diri

Menurut Achmad D. Marimba (1981), rendah diri berasal daripada perkataan “tawadhu” yang membawa maksud sifat merendahkan hati kepada sesuatu yang diagungkan. Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menyatakan bahawa nilai merendah diri sebuah nilai yang mengajar manusia untuk bersikap sederhana dan tidak sombong dalam kehidupan supaya dapat membentuk sebuah masyarakat yang saling hormat-menghormati dan berakhlak mulia di antara satu sama lain. Berdasarkan pendapat tokoh di atas, dapat disimpulkan bahawa nilai merendah amat penting dalam kehidupan masyarakat Islam bagi mengelakkan terjadinya perkara yang tidak diingini sesama anggota masyarakat. Hal ini dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Asal Usul Bunut Payung* melalui petikan berikut:

“Oleh kerano sifatnyo ye gagoh tu teloh wak burung Enggang merasoke dirinyo terlalu hebat dibandingke burung-burong laen. Hal ni menyebabke diyo bersikap sombong de takbor.”

(Temu Bual: Wan Abdullah Wan Omar, 2020)

Terjemahan:

“Oleh kerana sifatnya yang gagah itu telah membuatkan burung Enggang merasakan dirinya terlalu hebat dibandingkan burung-burung lain. Hal ini menyebabkan dia bersikap sombong dan takbur.”

Petikan di atas menunjukkan gambaran watak burung Enggang yang sombong kerana dirinya yang gagah. Sebagai tamsilnya, burung Enggang merasakan dia adalah burung paling hebat jika dibandingkan dengan burung-burung lain. Selain itu, burung Enggang juga sanggup menghalang burung lain mencari rezeki. Hal ini dapat dijelaskan dalam petikan berikut:

“So ari, ketika burung Kenari sede mencari makane di sebate pokok ye berbuah lebat, datelah Enggang denge lagoknyo memakso Kenari untuk gi daripado pokok tersebut. Hal ni kerano Enggang merasoke iyo lebih layok untuk memake buah ye lebat tu. Kenari meraso agok tertindas denge perilaku Enggang tu namun terpaksa mengalah kerano tokse mengerohke keadoe.”

(Temu Bual: Wan Abdullah Wan Omar, 2020)

Terjemahan:

“Suatu hari, ketika burung Kenari sedang mencari makanan di sebatang pokok yang berbuah lebat, datanglah Enggang dengan lagaknya memaksa Kenari untuk pergi daripada pokok tersebut. Hal ini kerana Enggang merasakan ia lebih layak untuk memakan buah yang lebat itu. Kenari merasa agak tertindas dengan perilaku Enggang itu namun terpaksa mengalah kerana tidak ingin mengeruhkan keadaan.”

Petikan di atas menggambarkan keangkuhan burung Enggang sehingga sanggup menafikan rezeki burung lain. Contoh yang amat ketara dapat dilihat melalui peristiwa burung Enggang menghalau burung Kenari dari pokok yang berbuah lebat kerana dia merasakan hanya dia yang layak memakan buah-buah tersebut. Hal ini menunjukkan kepentingan mengamalkan nilai murni merendah diri supaya tidak menimbulkan suasana yang tegang dan menindas orang lain dalam kehidupan seharian.

Hal ini sejajar dengan pernyataan yang dikemukakan oleh Achmad D. Marimba (1981), iaitu bersikap tawadhu yakni merendahkan hati kepada sesuatu yang diagungkan iaitu Tuhan. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), yang menyatakan bahawa rendah diri adalah sikap yang tidak menyombong diri dan bersederhana sesama makhluk. Berdasarkan kenyataan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa nilai murni melalui sikap rendah diri merupakan sikap yang terpuji kerana mengamalkan nilai kesederhanaan walaupun hakikatnya mempunyai takhta yang tinggi.

Sementara itu, teori Takmilah menerusi prinsip khalayak dengan karya dilihat sesuai dengan perbincangan di atas. Prinsip ini meletakkan penyampaian mesej kepada masyarakat sebagai fokus utama yang seharusnya dapat menimbulkan kesedaran kepada masyarakat (Shafei Abu Bakar, 1997). Sehubungan itu, perkara ini berkait rapat dengan ajaran Islam seperti yang diterapkan ke dalam cerita rakyat ini iaitu merendah diri. Hal ini merujuk kepada cerita rakyat yang bertajuk *Asal Usul Bunut Payung* yang menerapkan nilai murni melalui sikap rendah diri untuk dijadikan mesej yang berguna kepada masyarakat. Misalnya, watak burung Enggang yang menyombong diri telah menimbulkan situasi yang tidak baik dalam perhubungan sesama makhluk lain. Jadi, mesej yang ingin disampaikan kepada khalayak melalui cerita rakyat ini ialah sentiasa mengamalkan sikap rendah diri dalam kehidupan. Natiujahnya, cerita rakyat ini membuktikan wujud perhubungan di antara khalayak dengan karya melalui nilai murni yang diselit ke dalam cerita rakyat ini dan diharap dapat memberi kesedaran kepada masyarakat.

Sikap Pemaaf

Menurut Aboebakar Atjeh (1988), sikap pemaaf ialah manusia yang bersedia memaafkan kesalahan orang lain terhadap dirinya tanpa wujud rasa ingin membalas dendam. Selain itu, Hashim Musa (2008) menyatakan bahawa pemaaf adalah sebuah sikap manusia yang lahir daripada rasa ikhlas tanpa ada perasaan benci terhadap orang yang bersalah. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang berpendapat bahawa sikap yang lahir dari dalam diri manusia untuk memaafkan kesalahan orang lain dengan tidak menyimpan niat untuk membenci. Berdasarkan pendapat para tokoh, sikap pemaaf dapat dirumuskan sebagai sikap yang mulia diamalkan oleh manusia yang ikhlas memaafkan dan melupakan kesalahan orang lain terhadap dirinya dengan ikhlas tanpa memendam perasaan benci dan dendam. Hal ini dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Toleransi Kelantan Kian Tergugat* menerusi petikan berikut:

“Lalu, Rajo Pehe meminto maaf atas kebiadape anak saudaronyo tu. tindoke tu teloh wak Rajo Kelate memaafke ssemo ye terjadi lalu bagindo mencubo untuk menjalin perhubunge ye baik antaro mereko. Jaline tu disambut denge baik oleh Rajo Pehe.”

(Temu Bual: Long Mohamad, 2020)

Terjemahan:

“Lalu, Raja Pahang meminta maaf atas kebiadapan anak saudaranya itu. Tindakan itu telah membuatkan Raja Kelantan memaafkan semua yang terjadi lalu baginda mencuba untuk menjalinkan perhubungan yang baik antara mereka. Jalinan itu disambut dengan baik oleh Raja Pahang.”

Petikan di atas menceritakan watak Raja Kelantan yang mengamalkan sikap pemaaf dalam dirinya bagi mengelakkan berlakunya perkara yang negatif. Misalnya, Raja Kelantan ikhlas memaafkan Raja Pahang yang salah faham akibat hasutan daripada anak saudaranya sendiri. Hal ini jelas menunjukkan cerita rakyat ini menggariskan kepentingan sikap pemaaf dalam diri manusia supaya dapat menyelesaikan konflik dengan lebih tenang.

Hal ini bertepatan dengan kenyataan Aboebakar Atjeh (1988) yang berpendapat bahawa sikap pemaaf adalah insan yang mempunyai rasa untuk memaafkan orang lain dengan ikhlas tanpa memendam rasa dendam. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), sikap pemaaf adalah manusia yang bersedia memaafkan kesalahan orang lain secara ikhlas dan tidak menyimpan rasa benci dan tidak ingin untuk membalas perbuatan itu. Berdasarkan kenyataan para tokoh, dapat disimpulkan bahawa nilai murni melalui sikap pemaaf adalah amat penting untuk diamalkan dalam kehidupan masyarakat Melayu supaya setiap konflik yang berlaku dapat diselesaikan dengan baik.

Dalam pada itu, pengaplikasian prinsip Takmilah iaitu prinsip hubungan khalayak dengan karya dapat digunakan dalam penganalisan ini. Menurut Shafei Abu Bakar (1997), prinsip ini mengutarakan unsur pendidikan, dakwah, dan penentangan terhadap kebatilan sekali gus mengajak ke arah kebaikan. Sehubungan itu, cerita rakyat bertajuk *Toleransi Kelantan Kian Tergugat* telah berhasil menggariskan unsur pendidikan dengan menerapkan nilai murni melalui sikap pemaaf yang berpotensi memberi impak positif kepada khalayak. Seperti yang kita sedia maklum, petikan yang diketengahkan jelas menunjukkan sikap pemaaf yang ditunjukkan oleh Raja Kelantan kepada Raja Pahang telah memberi pencerahan kepada khalayak betapa pentingnya memberi kemaafan sekiranya berlaku konflik. Sebagai rumusannya, cerita rakyat ini sememangnya membawa mesej dan pengajaran yang boleh menimbulkan kesedaran kepada khalayak untuk menjadi lebih baik.

Menjaga Kebersihan

Menurut Muhamad Ali Hashimi (1992), nilai kebersihan adalah menjaga persekitaran supaya bersih daripada sampah dan kekotoran. Selanjutnya, Kiffah Salum (1993) mengemukakan pendapat bahawa nilai kebersihan adalah penjagaan persekitaran yang bersih daripada kekotoran sekali gus dapat mewujudkan kehidupan yang selesa. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), seseorang individu perlu mengamalkan sikap menjaga kebersihan persekitaran supaya dapat menjalan kehidupan secara sihat dan bebas daripada penyakit. Berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh para cendekiawan, nilai murni melalui sikap menjaga kebersihan amat penting untuk diamalkan oleh masyarakat bagi mewujudkan sebuah kehidupan yang selesa dan sihat. Hal ini dapat dilihat dalam cerita rakyat bertajuk *Asal Usul Kampung Pintu Reng* berdasarkan petikan berikut:

“Masyarakat hanyo menumpuke kepada aktiviti perniagoe sahajo tanpo menghirauke kebersihe di kawase juale mereko. Terdapat longgokke sapoh juale di sekitor kawase tu ye tok dibersihke oleh masyarakat kapo tu. mereko terlalu sibok nego hasil pertanie serto burue mereko tanpo memikirke kese terhadap ale sekitor di kawase mereko. Oleh tu, kawase tersebut menjadi koto sehinggo wak ore lalu-lale mulo menghindori kawase tu.”

(Temu Bual: Yusof Abdul Rahman, 2020)

Terjemahan:

“Masyarakat hanya menumpukan kepada aktiviti perniagaan sahaja tanpa menghiraukan kebersihan di kawasan jualan mereka. Terdapat longgokkan sampah

jualan di sekitar kawasan itu yang tidak dibersihkan oleh masyarakat kampung itu. Mereka terlalu sibuk berniaga hasil pertanian serta buruan mereka tanpa memikirkan kesan terhadap alam sekitar di kawasan mereka. Oleh itu, kawasan tersebut menjadi kotor sehingga membuatkan orang lalu-lalang mulai menghindari kawasan itu.”

Petikan di atas menjelaskan realiti pada zaman dahulu masyarakat Melayu dibelenggu oleh minda yang tiada kesedaran mengenai aspek kebersihan kerana hanya menumpukan perhatian kepada aktiviti perniagaan sehingga mengabaikan kebersihan alam sekitar. Sebagai contohnya, masyarakat kampung sekitar Kota Bharu yang tidak menghiraukan aspek kebersihan dengan melonggokkan sampah sarap di sesuatu tempat sehinggakan penduduk kampung mengelak daripada melalui tempat tersebut kerana tidak tahan dengan bau sampah sarap tersebut. Namun begitu, perkara ini telah mendapat perhatian Raja Kelantan pada ketika itu. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

“So ketiko, Rajo Kelate melawat kawase di sekitor kawase Kota Bharu. Bagindo telah kelel terlalu rama ore kapo di kawase tu menggunoke so jale berdekate denge lalue masok ko Kota Bharu. Lantas bagindo mengarahke masyarakat di kawase kapo tu membino lalue khusus untuk buwi lalue kepada paro peniago. Hal ni membolehkan kesesokke ye dikeh begindo tu makin berkure serto menjadi lebih teratur. Ianyo bertujue mengatasi bilenge peniago ye nego di kawase tu serto nok masyarakat menitikberatke masalah ale sekitor ye dihadapi oleh penduduk kawase tu.”

(Temu Bual: Yusof Abdul Rahman, 2020)

Terjemahan:

“Suatu ketika, raja Kelantan melawat kawasan di sekitar kawasan Kota Bharu. Baginda telah melihat terlalu ramai orang kampung di kawasan itu menggunakan satu jalan berdekatan dengan laluan masuk ke Kota Bharu. Lantas baginda mengarahkan masyarakat di kawasan kampung itu membina laluan khusus untuk memberi laluan kepada para peniaga. Hal ini membolehkan kesesakkan yang dilihat baginda itu makin berkurangan serta menjadi lebih teratur. Ianya juga bertujuan mengatasi bilangan perniagaan yang berniaga di kawasan itu serta ingin masyarakat menitikberatkan masalah alam sekitar yang dihadapi oleh penduduk kawasan itu.”

Petikan di atas menggambarkan watak Raja Kelantan yang sedar akan masalah sampah yang berlaku di sekitar Kota Bharu. Kesedaran ini timbul apabila beliau mendapati terdapat kawasan-kawasan tertentu yang mengalami masalah longgokan sampah dan ini tidak sepatutnya berlaku kerana baginya kebersihan alam sekitar penting dalam sesebuah negeri. Lantaran itu, beliau mengambil keputusan untuk melakukan pembaharuan dengan mengarah penduduk setempat membina laluan khusus untuk peniaga supaya sistem pembahagian tempat berniaga dan tempat sampah menjadi lebih teratur dan sistematik. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

“Masyarakat kapo tu segero membino pintu pagor ye diwak daripada atap zink. Mereko tok membantoh perintah Rajo Kelate sebagai tando menghormati keputusan tu. mereko yakin keputuse ye dilakuke oleh Rajo Kelate ake mendateke kese positif kepada penduduk Kota Bharu. Hal ni mengakitatke setiap kali paro peniago melalui kawase pintu pagor ye diwak atap zink tu menjadi semakin tertur de terurus berbanding sebelunyo.”

(Temu Bual: Yusof Abdul Rahman, 2020)

Terjemahan:

“Masyarakat kampung itu segera membina pintu pagar yang diperbuat daripada atap zink. Mereka tidak membantah perintah raja Kelantan sebagai tanda menghormati keputusan itu. Mereka yakin keputusan yang dilakukan oleh raja Kelantan akan mendatangkan kesan positif kepada penduduk Kota Bharu. Hal ini mengakibatkan setiap kali para peniaga melalui kawasan pintu pagar yang diperbuat atap zink itu menjadi semakin teratur dan terurus berbanding sebelumnya.”

Petikan di atas menceritakan langkah-langkah yang diambil oleh penduduk kampung untuk merealisasikan arahan daripada Raja Kelantan. Sehubungan itu, penduduk kampung telah membina sebuah pintu pagar yang diperbuat daripada atap zink. Pintu ini bertujuan untuk mewujudkan laluan khusus kepada para peniaga dari setiap kampung untuk berniaga.

Hal ini selaras dengan pendapat yang diberikan oleh Muhamad Ali Hashimi (1992), nilai menjaga kebersihan persekitaran adalah menjaga kebersihan dengan membuang segala kekotoran daripada kawasan sekitar. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), nilai kebersihan seharusnya dijaga supaya dapat melahirkan masyarakat yang bersih dan sihat. Oleh itu, nilai murni melalui menjaga kebersihan seharusnya dipupuk dan diamalkan kerana kebersihan kawasan dapat mempengaruhi kebersihan jiwa dan hati sekali gus membentuk jati diri masyarakat Melayu yang pembersih dan mempunyai jiwa yang mantap.

Tambahan lagi, penganalisan lebih lengkap dengan pengaplikasian prinsip hubungan khalayak dengan karya bagi menyerlahkan lagi hubungan cerita rakyat dengan khalayak pembaca. Prinsip ini menekankan aspek pemupukan khalayak ke arah insan Kamil dalam sesebuah karya bagi menjadikan karya tersebut sempurna (Shafei Abu Bakar, 1997). Dalam pada itu, cerita rakyat yang bertajuk *Asal Usul Pintu Reng* sememangnya menerapkan nilai murni iaitu sikap menjaga kebersihan persekitaran yang boleh memberi kesan positif kepada khalayak. Justifikasinya, sikap menjaga kebersihan melalui watak Raja Kelantan selaku pemerintah negeri yang menitikberatkan aspek kebersihan dapat membuka mata masyarakat mengenai kepentingan mengamalkan nilai murni melalui sikap menjaga kebersihan. Hal ini selaras dengan prinsip khalayak dengan karya iaitu penyampaian mesej melalui cerita rakyat ini mengajak masyarakat untuk menjaga kebersihan supaya dapat melahirkan sebuah masyarakat yang sihat dan berada dalam situasi yang selesa. Dengan itu, cerita rakyat ini membuktikan perhubungan di antara cerita rakyat ini dengan khalayak melalui mesej positif yang disampaikan iaitu nilai murni melalui sikap menjaga kebersihan.

Sikap Tanggungjawab

Menurut Hashim Musa (2008), sikap tanggungjawab merupakan manusia yang melakukan sesuatu tugas dengan penuh berhemah dan teratur. Selain itu, sikap tanggungjawab juga adalah kesanggupan seseorang individu untuk menggalas tugas dan melaksanakan tugas tersebut dengan sistematik. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) menyatakan bahawa sikap ini lahir daripada hati yang ikhlas ingin melaksanakan sesebuah tugas dengan bersungguh-sungguh. Berdasarkan pendapat para tokoh, nilai murni melalui sikap bertanggungjawab adalah merupakan satu sikap yang membuatkan seseorang itu melakukan sesuatu tugas secara berhemah.. Hal ini dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Hierarki Pentadbiran Strategi Kelantan* melalui petikan berikut:

“Ketiko bagindo Long Yunus Sulaiman mengambil alih tampuk pemerintohe, beberapa mukim dale negeri bagindo teloh berpecoh de ditakluki oleh musoh. Bagindo berupaya untuk medapatke kembali mukim tersebut. Lantas, bagindo memanggil pat pembesa kepeceyoe bagindo date mengadap di balairung seri.”

(Temu Bual: Long Mohamad, 2020)

Terjemahan:

“Ketika baginda Long Yunus Sulaiman mengambil alih tampuk pemerintahan, beberapa mukim dalam negeri baginda telah berpecah dan ditakhluki oleh musuh. Baginda berupaya untuk mendapatkan kembali mukim tersebut. Lantas, baginda memanggil empat pembesar kepercayaan baginda datang mengadap di balairung seri.”

Petikan di atas menunjukkan watak Long Yunus Sulaiman yang mengamalkan sikap bertanggungjawab sebagai seorang pemerintah kepada negeri Kelantan. Tamsilnya, beliau berusaha untuk mematahkan serangan daripada negeri Kubang Labu pada suatu ketika dahulu. Lantaran itu, baginda memanggil para pembesar negeri yang terdiri daripada Long Ghaafar, Man Kumis, Penghulu Andas dan Long Surih dengan tujuan untuk meminta pendapat mengenai cara untuk mematahkan serangan dari luar. Hal ini dapat dilihat melalui petikan dibawah:

“Adopon beto memanggil kalie ko mari adolah untuk meminto buah pikere. Beto meraso sungguh bimbe denge situasi ye menimpo pat mukim negeri ni. Beto bimbe jikalau secaro berteruse ake membawo bencano kepada negeri Kelate. Ggano pendapat paro pembesa beto untuk menyelesaikan perkara ni?” luoh bagindo Long Yunus Sulaiman. Paro pembesa memande antaro so samo laen sebelu Man Kumis kkecek. “Wahai tuanku ye patik kasihi, adopon cadange patik berepat adolah untuk melakuke serange hendap terhadap musuh durjano ye ambik alih pemerintohe di pat mukim tersebut, tuanku.” Jelas Man Kumis mewakili pembesar laenno.

(Temu Bual: Long Mohamad, 2020)

Terjemahan:

“Adapun beta memanggil kalian ke mari adalah untuk meminta buah fikiran. Beta merasa sungguh bimbang dengan situasi yang menimpa empat mukim negeri ini. Beta bimbang jikalau secara berterusan akan membawa bencana kepada negeri Kelantan. Bagaimanakah pendapat para pembesar beta untuk menyelesaikan perkara ini?” luoh baginda Long Yunus Sulaiman. Para pembesar memandang antara satu sama lain sebelum Man Kumis bertutur. “Wahai tuanku yang patik kasihi, adapun cadangan patik berempat adalah untuk melakukan serangan hendap terhadap musuh durjana yang mengambil alih pemerintahan di empat mukim tersebut, tuanku.” jelas Man Kumis mewakili pembesar lainnya.

Petikan di atas menceritakan tentang sikap tanggungjawab yang ditunjukkan oleh para pembesar kerajaan dalam menyelesaikan masalah peperangan yang berlaku di antara negeri Kelantan dan negeri Kubang Labu. Sehubungan itu, Man Kumis telah mencadangkan untuk melakukanserang hendap terhadap musuh bagi mengambil alih pemerintahan yang telah dirampas oleh musuh. Hal ini mendapatkan persetujuan daripada baginda sultan dan mereka semua meneruskan perancangan untuk memenangi peperangan dengan penuh rasa tanggungjawab.

Hal ini bertepatan dengan hujahan mengenai tanggungjawab oleh Ibrahim Mamat (1995) yang menyatakan sikap tanggungjawab adalah manusia yang mempunyai kesanggupan untuk menggalas tugas yang diberikan dengan penuh keikhlasan. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) yang mengemukakan pendapat sikap tanggungjawab adalah rasa untuk melaksanakan sesebuah tugas dengan berhemah, bersungguh-sungguh dan teratur bagi menghasilkan sebuah tugas yang sempurna. Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa sikap bertanggungjawab seharusnya dijadikan tunjang utama kepada seseorang tidak mengira bidang kerana ia sangat penting dalam menghasilkan tugas yang betul.

Selanjutnya, bahagian pengaplikasian prinsip khalayak dengan karya yang terkandung dalam teori Takmilah dengan analisis kajian ini memberi pencerahan mengenai perhubungan di antara kedua-dua aspek. Secara tepatnya, prinsip ini menggariskan kepentingan mesej dan pengajaran yang disampaikan melalui sesebuah karya kepada khalayak (Shafei Abu Bakar, 1997). Tamsilnya, cerita rakyat yang bertajuk *Hierarki Pentadbiran Strategi Kelantan* jelas menggambarkan nilai murni melalui sikap tanggungjawab yang ditunjukkan oleh watak Long Yunus Sulaiman bersama pembesar yang berusaha untuk mengekang serangan daripada pihak musuh daripada berlanjutan. Hal ini jelas menunjukkan mesej yang ingin disampaikan iaitu nilai murni melalui sikap tanggungjawab kepada masyarakat terutama kepada pemimpin supaya dijadikan panduan. Akhirnya, cerita rakyat ini berhasil membuktikan prinsip hubungan khalayak dengan karya dengan menerapkan unsur pendidikan untuk disampaikan kepada masyarakat.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, kajian ini telah menghuraikan mengenai nilai-nilai murni yang digunakan oleh masyarakat dahulu dalam menyampaikan cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan. Sehubungan itu, penyelidikan berhasil membuktikan bahawa masyarakat zaman dahulu menyebarkan nilai-nilai murni melalui cerita rakyat. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap nilai murni yang diselitkan di dalam cerita rakyat tersebut merupakan lambang kepelbagaian budaya dan norma hidup masyarakat Melayu zaman terdahulu. Selain itu, tunjang utama kajian ini iaitu aspek komunikasi dua hala telah berhasil mewujudkan sebuah hurain analisis mengenai hubungan di antara cara penyampaian cerita rakyat dengan mesej yang ingin disampaikan kepada masyarakat. Oleh itu, karya sastera rakyat seperti cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan sememangnya mempunyai isi kandungan yang sangat rapat dengan masyarakat Melayu.

PENGHARGAAN

Makalah/artikal ini disokong oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 1/2019 (R/FRGS/A0200/01728A/002/2019/00714) Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Malaysia Kelantan.

RUJUKAN

- Abd Rahim Abd Rasyid. 2001. *Nilai-Nilai Murni dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions.
- Aboebakar Atjeh. 1988. *Akhlak Dalam Islam Edisi Ketiga*. Kota Bharu: Pustaka Alam.
- Abu Bakar Hamid. 1976. *Diskusi Sastera Jilid I: Sastera Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Achmad D. Marimba. 1981. *Pengantar Filsafat Pendidikan Islam*. Bandung: Penerbit Al-Maruf.
- Dundes, A. 1965. *The Story of Folklore*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall.
- Halimah Hassan. 1989. Masyarakat dalam Sastera Rakyat. *Dewan Sastera*. 8: 47-48.
- Hashim Musa. 2008. *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Kifah Salum. 1993. *Pedagogi Islam*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Mohd Ali Hashimi. 1992. *Keperibadian Muslim*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Mohd Ali Hashimi. 1992. *Keperibadian Muslim*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop. 2015. *Cerita rakyat Melayu: suatu analisis pancaran jati diri masyarakat Melayu sebagai cerminan*

- kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 3, 91-100.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. 2018. Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. 2015. *Seuntai Nilai-Nilai Murni Dalam Himpunan 366 Cerita Rakyat Di Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Taib Osman. 1988. *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. 2020. Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 10(2), 48-56.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. 2021. Penemuan Nilai-Nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak. *Jurnal Melayu*. 20(1), 79-92.
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun & Farra Humairah Mohd. 2019. Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*. 2 (6), 78-87.
- Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Awang Azman Awang Pawi. 2017). Disemination of Values through the E-Folklore. *TOJET: The Turkish Online Journal of Education Technology*. 16 (1), 32-36.
- Othman Puteh. 1996. *Konsep Nilai dalam Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar. 2020. Perspektif 'Melayu Malas' dan 'Melayu Bodoh' oleh Barat Serta Kebenarannya berdasarkan Cerita Jenaka Melayu. *Jurnal Dunia Pengurusan*. 2 (3), 71-82.
- Roslina Abu Bakar. 2013. *Komunikasi Dua Hala Terancang: Satu Aplikasi dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafei Abu Bakar. 1997. Estetika dan Takmilah dlm. Mana Sikana. Pembangunan Seni dan Sastera. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu FSKK.
- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. 2016. Kesenambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur dalam Cerita Rakyat untuk Kanak-Kanak. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*. 4 (1), 93-103.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. 2020. Akal Budi dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. *Journal of Malay Language, Education and Literature*. 11(2), 126-140.
- Wan Marzuki Wan Mohd Noor. 2010. *Nilai Murni dalam Novel Imam*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.

Biodata Penulis:

Mohd Firdaus bin Che Yaacob (PhD) ialah Pensyarah Kanan & Penyelaras Penerbitan Berindeks, Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Beliau merupakan penerima *Tokoh Anugerah Buku Negara* (2022) buku umum (Kategori Bahasa). Bidang kepakaran beliau ialah Kesusasteraan Melayu/Kesusasteraan Warisan (Cerita Rakyat, Nyanyian Rakyat, Puisi, Novel, Drama, Cerpen, Tamadun dan Kebudayaan Melayu, Apresiasi Estetika, Reka Bentuk Tradisional, Teori & Kritikan Sastera).